

Pahang lulus RM50,000 geran penyelidikan

KUANTAN - Kerajaan negeri Pahang meluluskan RM50,000 sebagai geran penyelidikan kepada lima penyelidik untuk melaksanakan kajian di Taman Negeri Rompin tahun hadapan.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, setiap penyelidik menerima geran RM10,000.

Menurutnya, penerima terbabit ialah Dr Ahmad Fitri Zohari daripada Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Dr Rosazlin Abdullah daripada Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM) dan Profesor Dr Rusea Go daripada Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Turut menerima geran ini, Profesor Madya Dr Choong Chee Yen daripada Fakulti Sains dan Teknologi UKM dan

Dr Rosnida Tajuddin daripada Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia (USM)," katanya dalam kenyataan melalui Facebooknya pada Khamis.

Wan Rosdy berkata, surat tawaran Geran Penyelidikan dan Pendidikan Perhutanan Taman Negeri Rompin, Pahang bagi tahun 2023 itu diserahkan kepada penerima dalam satu majlis di sini pada Rabu.

"Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penyelidik yang menerima geran penyelidikan berkenaan.

"Geran tersebut diharapkan dapat membantu para penyelidik melaksanakan kajian dengan cemerlang sekali gus dapat menaikkan imej Taman Negeri Rompin sebagai hab penyelidikan unggul di negeri ini," kata Wan Rosdy.

FOTO: FACEBOOK WAN ROSDY



Wan Rosdy (tengah), Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak (empat dari kanan) dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin (empat dari kiri) bergambar bersama penerima Geran Penyelidikan dan Pendidikan Perhutanan Taman Negeri Rompin 2023 pada majlis penyerahan surat tawaran geran itu pada Rabu.